

" 1 MALAYSIA : RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN "

Rujukan : JPNS/SPP/JAW/A25092/11/106( 11 )

Tarikh : 25 Februari 2010

Semua Ketua Sektor  
 Semua Pegawai Pelajaran Daerah  
 Jabatan Pelajaran Selangor

Cik Linda .

dfp  
 2/3/10



Tuan/Puan,

**IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN PEMBANTU AM PEJABAT GRED N1 DI  
 JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA SELANGOR, PELABUHAN KLANG**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara kepada surat KE.BB(85)341/02/Klt.III/(05) bertarikh 2 Februari 2010 daripada Kastam Diraja Malaysia Selangor berhubung perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa terdapat kekosongan jawatan Pembantu Am Pejabat Gred N1 di Jabatan Kastam Diraja Malaysia Selangor, Pelabuhan Klang.


3. Sehubungan dengan itu, bersama-sama ini dikemukakan salinan surat tersebut bagi menjelaskan maksud di atas untuk makluman dan tindakan seterusnya pihak tuan/puan.

Segala kerjasama dan perhatian tuan/puan saya dahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "**

Saya yang menurut perintah,

  
 (AHMAD SHAFFIE BIN HAJI AHMAD KASDU, A.M.N.)  
 Sektor Khidmat Pengurusan dan Pembangunan  
 b.p. Pengarah Pelajaran  
 Jabatan Pelajaran Negeri Selangor

s.k. Ketua Sektor Pengurusan Maklumat (ICT)

Fail Timbul

PTJ1/Ida/Kekosongan PAP N1/23.2.2010

No. Telefon:  
 03-55186500  
 No. Faksimili:  
 03-55102133  
 Email:  
 jpn.selangor@sel.moe.gov.my  
 Laman Web:  
 http://www.moe.gmmj/jpnselangor



(Sila catatkan nombor rujukan apabila berurusan dengan kami)

**JABATAN PELAJARAN SELANGOR — TERBILANG**



KASTAM DIRAJA MALAYSIA SELANGOR  
WISMA KASTAM SELANGOR, PULAU INDAH  
NO. 1, JALAN PERIGI MENAS 7/1  
KS 11, TAMAN PERINDUSTRIAN PULAU INDAH  
42907 PELABUHAN KLANG  
SELANGOR.

Diiktiraf MS ISO  
9001:2000  
"Pengurusan  
Perkhidmatan Pelepasan  
Kastam Bagi Barangan  
Import dan Eksport"



TELEFON : 03-3103388  
FAX : 03-3101315  
WEBSITE : http://www.kastamselangor.gov.my

DITERIMA  
10 FEB 2010  
KAUNTER PERKHIDMATAN  
JPN Selangor

Ruj. Kami : KE.BB(85)341/02/Klt. III/ ( 05 )  
Tarikh : 02 Februari 2010

**Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor**  
**Semua Ketua Jabatan Persekutuan**  
**Semua Ketua Jabatan Negeri**  
**Semua Ketua Jabatan Badan Berkanun**  
**Semua Ketua Jabatan Pihak Berkuasa Tempatan**  
**Semua Ketua Bahagian, JKDM Selangor**

DITERIMA  
08 FEB 2010  
BEKHA SEKTOR  
KHIDMAT PERKHIDMATAN DAN PERKHIDMATAN

TERIMA  
05 FEB 2010  
PEJABAT PENGARAH  
JABATAN PELAJARAN  
SELANGOR.

US2P  
5/2

KPK  
JPNSE

**Y.B./Y.Bhg. Tan Sri/Datuk Seri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan,**

**IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN PEMBANTU AM PEJABAT GRED N1 DI  
JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA SELANGOR, PELABUHAN KLANG**

Adalah dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita disertakan bersama ini iklan kekosongan jawatan Pembantu Am Pejabat Gred N1 di Jabatan Kastam Diraja Malaysia Selangor untuk diedarkan di jabatan tuan. Untuk makluman, tarikh tutup permohonan ialah pada **31 Mac 2010**.

3. Kerjasama pihak tuan di dalam mengedarkan iklan tersebut didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, harap maklum.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

**(WAN JAMAL ABDUL SALAM BIN WAN LONG)**  
Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia  
(Cawangan Personel dan Tatatertib)  
b.p. Pengarah Kastam Negeri  
Selangor.

PERKHIDMATAN DAN PERKHIDMATAN JABATAN PELAJARAN SELANGOR			
PCT		TINDAKAN SEGERA	/
PE		Untuk makluman	/
KPT (J)	/	Sila uruskan	/
KPT (K)		Sila bincang	
KPT (F)		Sediakan maklumat	
PT J	/	Buat surat jawapan	
PT K		Buat laporan	
PEN			
PT F			
PAP			

*Sila edarkan lpep. semua  
K8 & PPD. Sila keluarkan  
lpep. 1 Sektor Pengurusan (19  
ufla. di masukkan dalam lpep. ini  
jbn.*

PPU Pijawatan  
M17  
J  
JPNSE

- s.k. i) Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (Bahagian Pengambilan)  
ii) Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia  
Ibu Pejabat JKDM Putrajaya



## JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA

### IKLAN JAWATAN KOSONG

Warganegara Malaysia yang berkelayakan adalah dipelawa untuk memohon mengisi jawatan kosong seperti berikut :-

1. (a) **Jawatan** : **PEMBANTU AM PEJABAT (PAP)**
- (b) **Jabatan** : **KASTAM DIRAJA MALAYSIA SELANGOR**
- (c) **Kumpulan Perkhidmatan** : **SOKONGAN**
- (d) **Klasifikasi** : **PERKHIDMATAN PENTADBIRAN DAN SOKONGAN**

### 2. JADUAL GAJI

**Gred**

**Jadual Gaji Matriks**

<b>Gred N1</b>	:	<b>P1T1 RM649.15</b>	-	<b>P1T22 RM1506.79</b>
		<b>P2T1 RM691.62</b>	-	<b>P2T22 RM1583.49</b>
		<b>P3T1 RM735.72</b>	-	<b>P3T22 RM1661.82</b>

3. **SYARAT LANTIKAN** : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
  - (a) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
  - (b) (i) Berpelajaran di peringkat sekolah rendah bantuan penuh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan
  - (ii) Boleh bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan memuaskan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N1 : P1T2).

4. **TARAF JAWATAN** : Tetap.
5. **PENAKLUKAN DI BAWAH SYARAT-SYARAT PERKHIDMATAN** : Anggota yang memasuki perkhidmatan yang dinyatakan di atas adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim-skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.
- 
6. **FUNGSI BIDANG TUGAS** : Bertanggungjawab di atas tugas-tugas menyimpan, mengeluarkan dan menghantar fail-fail, surat-surat untuk pegawai, fotostat dokumen-dokumen rasmi dan menjalankan tugas am yang diarahkan dari semasa ke semasa.
7. **TARIKH TUTUP PERMOHONAN** : **SEBELUM atau PADA 31 MAC 2010**

8. **KEMUDAHAN-KEMUDAHAN DAN ELAUN-ELAUN**

Anggota-anggota yang dilantik adalah layak menerima pelbagai kemudahan elaun yang sedang berkuatkuasa di dalam Perkhidmatan Awam Malaysia.

A. **CARA MEMOHON**

- (a) Permohonan hendaklah menggunakan Borang (KASTAM) yang boleh didapati dari **Jabatan Kastam Diraja Malaysia Selangor, Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia, (Cawangan Personel dan Tatatertib), Aras 7 Wisma Kastam Selangor Pulau Indah, 42907 Pelabuhan Klang, Selangor.**
- (b) Semua permohonan hendaklah disertakan dengan :-
- (i) Salinan sijil atau salinan keputusan peperiksaan akhir bagi kelayakan yang disyaratkan.
  - (ii) Salinan sijil kelahiran, kad pengenalan, lesen memandu dan sijil-sijil persekolahan.
- (c) Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat berukuran 32sm x 22sm. Di sudut atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditulis **NAMA JAWATAN** yang dipohon.

(d) Permohonan yang berikut **AKAN DITOLAK** :-

- (i) Tidak disertakan dengan dokumen yang diperlukan;
- (ii) Tidak lengkap atau tidak terang;
- (iii) Tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan dalam iklan;
- (iv) Tidak menulis nombor kad pengenalan;
- (v) Tidak dikemukakan melalui Ketua Jabatan bagi pegawai sedang berkhidmat; dan
- (vi) Tidak ditandatangani.

#### **B. ALAMAT PERMOHONAN**

Permohonan hendaklah sampai kepada :-

**Pengarah Kastam Negeri Selangor  
Jabatan Kastam Diraja Malaysia Selangor,  
Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia,  
(Cawangan Personel dan Tatatertib),  
Aras 7, Wisma Kastam Selangor Pulau Indah,  
42907 Pelabuhan Klang,  
SELANGOR DARUL EHSAN.**

#### **C. CATATAN AM**

1. Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga.
2. Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 6 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
3. Segala perbelanjaan berhubung dengan permohonan dan temuduga jawatan ini tidak akan ditanggung oleh Kerajaan.